

12/10/2001

PM lancar buku pelayaran Azhar

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan buku 'Ocean Wild: The Jalur Gemilang Challenge', buku bacaan ringan mengenai liku-liku pengembaraan pelayar negara, Datuk Azhar Mansor yang muncul rakyat Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia secara solo.

Pada majlis ringkas penuh bermakna di Awana Porto Malai, sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (Lima '01), beliau turut diberi penghormatan sebagai penerima buku pertama yang ditandatangani Azhar.

Hadir sama menyaksikan penyerahan itu, Pengarang Kumpulan New Straits Times Sdn Bhd (NST), Datuk Ahmad A Talib.

Buku yang diterbitkan The New Straits Times Press Bhd (NSTP) itu adalah gabungan usaha gigih wartawan akhbar berkenaan mengumpul nota pelayaran harian Azhar, gambar peribadinya dan contoh e-mel yang diterimanya dari peminatnya di seluruh dunia.

Ocean Wild adalah hasil tulisan Azhar yang diusahakannya sejak beberapa bulan lalu, mengisahkan cerita di sebalik tabir dan impiannya untuk belayar mengelilingi dunia.

Sebagai permulaan, sebanyak 10,000 naskhah buku itu dicetak.

Orang ramai atau pertubuhan yang ingin membeli buku berharga RM49.90 itu boleh menghubungi 03-22823322 untuk Anselm de Rosario (sambungan 3311) atau Ibrahim Tamari (sambungan 3312) atau faksimili 03-22849155.

(END)